

PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR RAMADAN & BAZAR AIDILFITRI 2025

Survei **Bazar Ramadan** dan **Bazar Aidilfitri** ialah survei yang mengumpulkan maklumat berkaitan harga bagi item-item terpilih di senarai bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri di seluruh negara pada tahun 2025.

Survei ini dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Objektif *newsletter* ini adalah khusus untuk memaparkan purata harga item terpilih di bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri terpilih di seluruh Malaysia pada tahun 2025.

OBJEKTIF SURVEI

Objektif survei ini adalah untuk mendapatkan purata harga bagi **20 item terpilih** yang dijual di bazar Ramadan dan **11 item terpilih** yang dijual di bazar Aidilfitri di peringkat negeri dan Malaysia bagi tahun 2025.

TEMPOH PELAKSANAAN SURVEI

Tempoh pelaksanaan survei pada **sepanjang tempoh Ramadan 2025/ 1446H.**

KONSEP DAN DEFINISI

➤ HARGA

Merujuk kepada harga runcit atau harga transaksi termasuk semua jenis cukai yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan.

➤ GERAJ & LOKASI YANG DILIPUTI

Gerei ditakrifkan sebagai “**satu unit ekonomi yang bergiat di bawah satu aktiviti, di bawah penguasaan tunggal yang sah dan beroperasi di satu lokasi fizikal**”. Setiap gerai diberikan klasifikasi industri yang berdasarkan aktiviti utama.

❑ Bazar Ramadan

Merujuk kepada gerai yang menjalankan aktiviti perniagaan makanan dan minuman atau lain-lain juadah di dalam bazar Ramadan sempena bulan Ramadan.

❑ Bazar Aidilfitri


Merujuk kepada gerai yang menjalankan aktiviti perniagaan pakaian, biskut/ kuih raya atau lain-lain item di dalam bazar Aidilfitri sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.



PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR RAMADAN, MALAYSIA, 2025


PENEMUAN UTAMA

Carta 1 Purata Harga Item Terpilih Air Tembikai (Bungkusan Bulat) di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025




Purata harga item terpilih Air Tembikai (Bungkusan Bulat) di bazar Ramadan mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Pulau Pinang mencatatkan peningkatan purata harga yang rendah sebanyak RM3.10 sebungkus. Manakala, Selangor mencatatkan peningkatan purata harga yang tinggi sebanyak RM6.00 sebungkus (**Carta 1**)

Carta 2 Purata Harga Item Terpilih Nasi Kerabu (Ayam) di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025




Lima negeri mencatatkan peningkatan purata harga item terpilih Nasi Kerabu (Ayam) di bazar Ramadan pada tahun 2025, iaitu Sabah, RM10.90 satu set. Ini diikuti oleh negeri Sarawak (RM10.80); Selangor (RM10.10); Wilayah Persekutuan Labuan (RM10.00) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (RM10.00) (**Carta 2**)

Carta 3 Purata Harga Item Terpilih Ayam Golek (Siap Potong) di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Bagi purata harga item terpilih Ayam Golek (Siap Potong) di bazar Ramadan mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan purata harga yang tinggi sebanyak RM35.00 seekor, diikuti oleh Sabah (RM33.00); Kedah (RM30.00); Pulau Pinang (RM29.20) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM29.00) (**Carta 3**)

Carta 4 Purata Harga Item Terpilih Roti John Ayam (Panjang) di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025




Purata harga item terpilih Roti John Ayam (Panjang) di bazar Ramadan mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan peningkatan purata harga yang tertinggi adalah negeri Johor, RM11.00 sebungkus (2024: RM10.00). Manakala, negeri Sarawak mencatatkan peningkatan yang paling rendah sebanyak RM7.00 sebungkus (2024: RM6.40) (**Carta 4**)



PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR RAMADAN, MALAYSIA, 2025


PENEMUAN UTAMA

Carta 5 Purata Harga Item Terpilih bagi Nasi Ayam di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Kebanyakan negeri mencatatkan peningkatan purata harga di bazar Ramadan bagi tahun 2025. Peningkatan ini dicatatkan oleh Wilayah Persekutuan Labuan iaitu RM11.50 satu set (2024: RM8.00), diikuti oleh Johor, RM9.00 satu set (2024: RM7.80), Wilayah Persekutuan Putrajaya, RM8.50 satu set (2024: RM7.50), Sabah, RM8.10 satu set (2024: RM7.40) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, RM8.00 satu set (2024: RM7.00) **(Carta 5)**

Carta 6 Purata Harga Item Terpilih bagi Kuih Tepung Pelita di Bazar Ramadan Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Tiga negeri mencatatkan peningkatan sebanyak RM1.10 sebiji adalah Negeri Sembilan (2024: RM0.90), Selangor (2024: RM1.00) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (2024: RM1.00).

Manakala, bagi negeri Melaka (RM0.80), Perlis (RM0.70) dan Wilayah Persekutuan Labuan (RM0.80) tidak merekodkan sebarang perubahan berbanding tahun sebelumnya **(Carta 6)**

BAZAR RAMADAN


Purata Harga Item Terpilih di Bazar Ramadan, Malaysia, 2025

ITEM	UNIT	PURATA HARGA (RM)
Kuih Karipap Biasa Inti Kentang	Sebiji	0.70
Kuih Ketayap	Sebiji	0.70
Kuih Popia Goreng	Sebiji	0.90
Kuih Seri Muka	Sebiji	0.90
Kuih Tepung Pelita	Sebiji	0.90
Air Sirap Bandung Sejuk (Bungkusan Bulat)	Sebungkus	4.40
Air Soya Tanpa Ais (Bungkusan Bulat)	Sebungkus	4.60
Air Tembikai Sejuk (Bungkusan Bulat)	Sebungkus	4.70
Roti John Ayam (Pendek)	Sebungkus	5.40
Martabak Ayam (Biasa)	Sekeping	5.90
Bihun Sup	1 set	6.90
Nasi Ayam	1 set	7.90
Nasi Dagang (Ayam)	1 set	8.30
Roti John Ayam (Panjang)	Sebungkus	8.70
Nasi putih berserta ayam dan sayur	1 set	8.80
Nasi Kerabu (Ayam)	1 set	9.00
Nasi putih berserta ikan dan sayur	1 set	9.10
Nasi Ayam Penyet	1 set	10.00
Nasi Arab (Ayam)	1 set	13.50
Ayam Golek (Siap Potong)	seekor	28.30

PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR AIDILFITRI, MALAYSIA, 2025


PENEMUAN UTAMA

Carta 1 Purata Harga Item Terpilih Sampin di Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri, 2024 & 2025




Purata harga item terpilih Sampin di bazar Aidilfitri mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan purata harga yang rendah sebanyak RM49.50 sehelai. Manakala, Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan peningkatan purata harga yang tinggi sebanyak RM189.00 sehelai (**Carta 1**)

Carta 2 Purata Harga Item Terpilih Songkok di Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri, 2024 & 2025




Lima negeri mencatatkan peningkatan purata harga item terpilih Songkok di bazar Aidilfitri pada tahun 2025, iaitu Selangor, RM64.00 sebiji. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Selangor (RM55.00); Pulau Pinang (RM49.50); Sarawak (RM49.30); Pahang dan Wilayah Persekutuan Putrajaya masing-masing mencatatkan sebanyak RM41.30 sebiji (**Carta 2**)

Carta 3 Purata Harga Item Terpilih Baju Kurta di Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Bagi purata harga item terpilih Baju Kurta di bazar Aidilfitri mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan purata harga yang tinggi sebanyak RM89.00 sehelai, diikuti oleh Sabah (RM81.80); Wilayah Persekutuan Putrajaya (RM79.00); Pulau Pinang (RM79.00) dan Wilayah Persekutuan Labuan (RM75.00) (**Carta 3**)

Carta 4 Purata Harga Item Terpilih Baju Melayu di Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri, 2024 & 2025




Purata harga item terpilih Baju Melayu di bazar Aidilfitri mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan peningkatan purata harga yang tertinggi adalah Wilayah Persekutuan Labuan, RM169.50 sepasang (2024: RM134.00). Manakala, negeri Kelantan mencatatkan peningkatan yang paling rendah sebanyak RM99.80 sepasang (2024: RM99.10) (**Carta 4**)


PURATA HARGA ITEM TERPILIH DI BAZAR AIDILFITRI, MALAYSIA, 2025

PENEMUAN UTAMA

Carta 5 Purata Harga Item Terpilih Tart Nenas di Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Carta 6 Purata Harga Item Terpilih Almond London di Bazar Aidilfitri Mengikut Negeri, 2024 & 2025



Purata harga item terpilih Tart Nenas di bazar Aidilfitri mengikut negeri bagi tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan peningkatan yang tinggi sebanyak RM38.00 sebekas berbanding RM35.50 sebekas pada tahun sebelumnya, diikuti oleh Pulau Pinang merekodkan RM37.70 sebekas (2024: RM33.00) dan Sabah, RM35.80 sebekas (2024: RM31.20) **(Carta 5)**

Bagi purata harga item terpilih Almond London di bazar Aidilfitri mengikut negeri pada tahun 2025 menunjukkan Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu RM38.00 sebekas berbanding RM37.50 sebekas pada tahun sebelumnya. Manakala, Kelantan merekodkan peningkatan terendah iaitu RM23.30 sebekas (2024: RM22.30 sebekas) **(Carta 6)**


BAZAR AIDILFITRI

Purata Harga Item Terpilih di Bazar Aidilfitri, Malaysia, 2025

ITEM	UNIT	PURATA HARGA (RM)
Shawl Tiada Corak (Material Chiffon)	Sehelai	17.50
Tudung Bawal (Material Cotton)	Sehelai	19.80
Semperit (Saiz Empat Segi)	Sebekas 30-50 biji	27.10
Tart Nenas (Gulung)	Sebekas 30-50 biji	30.30
Almond London	Sebekas 30-50 biji	30.40
Rempeyek Kacang Tanah	500 gm	32.90
Songkok	Sebiji	37.00
Baju Kurta (Dewasa, Saiz M)	Sepasang	69.60
Sampin	Sehelai	83.30
Baju Kurung (Dewasa, Material Crepe, Saiz M)	Sepasang	106.10
Baju Melayu (Dewasa, Cekak Musang, Saiz M)	Sepasang	130.20



BAZAR RAMADAN 2025




Bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia,

- ❑ Purata harga bagi **Kuih Karipap Kentang**, negeri yang mencatatkan peningkatan yang tinggi adalah Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Manakala, bagi negeri yang mencatatkan peningkatan yang rendah adalah Perlis.
- ❑ Negeri yang mencatatkan purata harga yang tinggi bagi item **Bihun Sup** adalah Negeri Sembilan. Negeri yang mencatatkan purata harga yang rendah pula adalah Pulau Pinang.
- ❑ Bagi purata harga item terpilih **Ayam Golek (Siap Potong)**, negeri yang merekodkan peningkatan yang tinggi adalah Kedah. Manakala, negeri yang merekodkan peningkatan yang rendah adalah Negeri Sembilan.



BAZAR RAMADAN 2025



Nota:

- Kuih Karipap Kentang
- Bihun Sup
- Ayam Golek (Siap Potong)

Bagi negeri-negeri di Borneo,

- Purata harga bagi **Kuih Karipap Kentang**, Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan peningkatan purata harga yang tinggi.
- Purata harga bagi **Bihun Sup**, negeri Sabah mencatatkan peningkatan purata harga yang rendah.
- Bagi purata harga item terpilih **Ayam Golek (Siap Potong)**, negeri yang merekodkan peningkatan yang tinggi adalah Wilayah Persekutuan Labuan. Manakala, negeri yang merekodkan peningkatan yang rendah adalah Sarawak.



2025

Purata Harga Item Terpilih Mengikut Negeri BAZAR RAMADAN

ITEM	Kuih Karipap Kentang (sebijji)	Kuih Ketayap (sebijji)	Kuih Seri Muka (sebijji)	Kuih Tepung Pelita (sebijji)	Kuih Popia Goreng (sebijji)	Roti John Ayam (Panjang)	Roti John Ayam (Pendek)	Nasi Ayam (1 set)	Nasi Ayam Penyet (1 set)	Nasi Arab (Ayam) (1 set)
JOHOR	0.70	0.90	0.90	0.80	1.00	11.00	5.60	9.00	10.00	13.00
KEDAH	0.60	0.60	1.20	0.90	0.70	7.10	5.80	7.20	9.70	15.70
KELANTAN	0.80	0.50	1.00	0.90	1.20	8.50	6.80	7.00	9.30	12.80
MELAKA	0.60	0.60	0.60	0.80	0.70	8.80	6.00	7.50	9.70	13.30
NEGERI SEMBILAN	0.80	1.00	0.80	1.10	1.10	10.00	5.50	7.70	12.30	12.00
PAHANG	0.60	0.70	0.70	0.90	0.70	8.80	5.00	7.50	9.00	12.20
PULAU PINANG	0.90	0.80	1.20	1.00	0.90	8.70	7.50	6.80	9.40	12.70
PERAK	0.60	0.60	0.60	1.00	0.80	8.50	5.50	7.10	9.50	15.50
PERLIS	0.50	0.50	1.80	0.70	0.60	7.70	-	7.50	8.50	11.00
SELANGOR	0.90	0.80	0.80	1.10	1.40	10.30	7.00	7.80	8.20	16.30
TERENGGANU	0.60	0.70	0.90	1.00	0.60	7.60	5.40	6.70	10.20	13.20
SABAH	0.60	0.60	0.70	0.80	0.70	9.10	5.50	8.10	10.30	14.30
SARAWAK	0.60	0.60	0.60	0.80	0.80	7.00	5.10	7.70	11.80	13.50
W.P. KUALA LUMPUR	0.90	0.80	0.80	1.00	1.10	8.80	5.50	8.00	10.00	13.50
W.P. LABUAN	0.70	0.70	0.70	0.80	0.70	8.00	5.00	11.50	10.00	8.00
W.P. PUTRAJAYA	0.90	1.00	0.80	1.10	1.10	10.00	5.50	8.50	12.00	19.00

Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

8



20 Oktober 2016 - 2030

2025

Purata Harga Item Terpilih Mengikut Negeri

BAZAR RAMADAN

ITEM	Nasi putih berserta ayam dan sayur (1 set)	Nasi putih berserta ikan dan sayur (1 set)	Nasi Kerabu (Ayam) (1 set)	Nasi Dagang (Ayam) (1 set)	Bihun Sup (1 set)	Ayam Golek (Siap potong) (seekor)	Martabak Ayam (biasa) (sekeping)	Air soya tanpa Ais (bungkusan bulat) (sebungkus)	Air Sirap Bandung Sejuk (bungkusan bulat) (sebungkus)	Air Tembikai (bungkusan bulat) (sebungkus)
JOHOR	8.40	9.20	9.30	10.50	6.00	26.80	7.10	4.80	3.00	3.80
KEDAH	8.00	7.60	8.50	8.60	6.00	30.00	5.10	3.70	3.50	4.00
KELANTAN	11.70	9.30	7.00	8.00	6.00	27.00	4.30	4.30	4.30	4.00
MELAKA	9.30	9.30	9.00	8.00	6.50	28.50	6.90	5.00	5.50	5.80
NEGERI SEMBILAN	8.70	10.00	8.00	7.50	7.70	24.00	6.30	5.00	4.00	4.70
PAHANG	8.90	10.10	8.50	7.20	6.80	28.00	7.80	4.70	5.00	5.00
PULAU PINANG	8.80	9.90	8.50	7.80	5.90	29.20	5.80	4.00	3.00	3.10
PERAK	7.90	8.20	8.20	7.00	6.20	28.00	7.00	5.00	4.70	4.80
PERLIS	8.30	6.40	7.10	6.00	7.00	25.50	6.00	4.00	3.00	4.00
SELANGOR	8.60	8.10	10.10	8.70	7.60	28.00	5.30	5.10	5.30	6.00
TERENGGANU	8.50	9.00	7.80	8.00	7.00	28.40	5.00	4.10	3.90	4.70
SABAH	7.30	7.40	10.90	10.00	6.40	33.00	5.20	6.50	4.80	4.80
SARAWAK	8.40	8.20	10.80	8.00	8.00	26.30	6.40	5.90	5.70	5.60
W.P. KUALA LUMPUR	9.50	10.50	9.50	8.20	7.50	29.00	5.00	4.80	4.00	5.50
W.P. LABUAN	9.00	10.00	10.00	10.00	8.00	35.00	5.00	-	4.50	4.50
W.P. PUTRAJAYA	9.50	12.00	10.00	9.30	7.30	25.30	6.00	6.00	6.00	5.50

Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

9



20 Oktober 2016 - 2030

B A Z A R AIDILFITRI 2025




Bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia,

- ❑ Purata harga bagi **Samping**, negeri yang mencatatkan peningkatan yang tinggi adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Manakala, bagi negeri yang mencatatkan peningkatan yang rendah adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
- ❑ Negeri yang mencatatkan purata harga yang tinggi bagi item **Tudung Bawal (Material Cotton)** adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Negeri yang mencatatkan purata harga yang rendah pula adalah Negeri Sembilan.
- ❑ Bagi purata harga item terpilih **Shawl Tiada Corak (Material Chiffon)** negeri yang merekodkan peningkatan yang tinggi adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya. Manakala, negeri yang merekodkan peningkatan yang rendah adalah Negeri Sembilan.



B A Z A R AIDILFITRI 2025



Nota:

- Sampin
- Tudung Bawal (Material Cotton)
- Shawl Tiada Corak (Material Chiffon)

Bagi negeri-negeri di Borneo,

- Purata harga bagi **Sampin**, Sarawak mencatatkan peningkatan purata harga yang tinggi. Manakala, Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan peningkatan purata harga yang rendah.
- Purata harga bagi **Tudung Bawal (Material Cotton)**, negeri Sarawak mencatatkan peningkatan purata harga yang tinggi dan Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan peningkatan purata harga yang rendah.
- Bagi purata harga item terpilih **Shawl Tiada Corak (Material Chiffon)**, negeri yang merekodkan peningkatan yang tinggi adalah Sarawak. Manakala, negeri yang merekodkan peningkatan yang rendah adalah Wilayah Persekutuan Labuan.



2025

Purata Harga Item Terpilih Mengikut Negeri

BAZAR AIDILFITRI

ITEM	Tart Nanas (gulung) (sebekas 30-50 biji)	Semperit (saiz empat segi) (sebekas 30-50 biji)	Almond London (sebekas 30-50 biji)	Rempeyek Kacang Tanah (500 gm)	Shawl Tiada Corak (Material Chiffon) (sehelai)	Tudung Bawal (Material Chiffon) (sehelai)
JOHOR	29.10	25.30	28.60	35.30	22.60	23.80
KEDAH	27.90	23.30	30.30	25.00	18.10	20.00
KELANTAN	23.20	21.00	23.30	13.10	11.20	13.70
MELAKA	31.30	27.50	31.30	14.50	23.00	20.80
NEGERI SEMBILAN	33.00	28.00	32.60	29.20	9.30	9.00
PAHANG	27.00	27.00	27.30	22.90	17.50	23.30
PULAU PINANG	37.70	25.00	31.70	24.00	10.00	10.00
PERAK	28.20	28.00	28.80	22.40	13.50	16.30
PERLIS	32.00	28.00	29.00	17.50	12.50	20.00
SELANGOR	34.60	30.00	35.00	22.40	15.00	16.00
TERENGGANU	22.80	22.80	25.90	23.40	17.40	21.60
SABAH	35.80	30.40	30.00	29.30	17.80	21.50
SARAWAK	24.70	26.00	30.20	30.80	27.30	27.90
W.P. KUALA LUMPUR	30.00	30.00	30.00	30.00	15.00	25.00
W.P. LABUAN	30.00	25.50	38.00	28.00	10.00	19.00
W.P. PUTRAJAYA	38.00	35.00	35.00	27.50	39.00	29.00

Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

12



20 Oktober 2016 - 2030

2025

Purata Harga Item Terpilih Mengikut Negeri

BAZAR AIDILFITRI

ITEM	Songkok (sebij)	Sampin (sehelai)	Baju Kurta (sehelai)	Baju Melayu (Dewasa, Cekak Musang, Saiz M) (sepasang)	Baju Kurung (Dewasa, Material Crepe, Saiz M) (sepasang)
JOHOR	30.70	87.70	66.00	113.40	66.70
KEDAH	23.80	79.10	69.50	138.50	119.00
KELANTAN	27.50	60.00	53.80	99.80	69.00
MELAKA	35.00	61.30	61.00	111.80	74.50
NEGERI SEMBILAN	33.30	64.00	61.00	110.70	69.50
PAHANG	41.30	80.10	70.30	122.10	142.00
PULAU PINANG	49.50	92.30	79.00	143.30	64.00
PERAK	35.10	77.50	70.60	124.80	95.10
PERLIS	25.00	87.00	70.00	127.30	139.00
SELANGOR	64.00	67.70	67.00	139.20	145.00
TERENGGANU	29.00	73.70	52.70	143.60	112.80
SABAH	41.30	89.20	81.80	126.20	143.70
SARAWAK	49.30	95.70	68.40	154.20	123.60
W.P. KUALA LUMPUR	30.00	49.50	89.00	100.00	-
W.P. LABUAN	22.90	79.00	75.00	169.50	69.00
W.P. PUTRAJAYA	55.00	189.00	79.00	159.00	159.00

Nota: W.P. merujuk kepada Wilayah Persekutuan

13